

UNTUK SIARAN SEGERA

PPA Buktikan Keprihatinan Terhadap Golongan Pesara

Teman Menonton Wayang Sempena Tahun Baru Cina

Petaling Jaya, 3 Mac 2015 – Iklan komersial di TV yang memaparkan keluarga dan sanak-saudara berkumpul sering digambarkan sebagai cara yang ideal untuk menyambut Tahun Baru Cina. Namun, bagi golongan yang tinggal di rumah-rumah penjagaan orang tua terpaksa menghadapi realiti bahawa tidak ada ahli keluarga yang datang melawat mereka pada musim perayaan ini.

Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA), pentadbir pusat bagi Skim Persaraan Swasta (PRS) mengambil peluang ini untuk mengembalikan keseronokan kepada golongan pesara dari Rumah Charis dan Rumah Orang Tua Seri Setia dengan menganjurkan majlis makan tengah hari Tahun Baru Cina dan membawa mereka keluar untuk menonton wayang.

Dato' Steve Ong, Ketua Pegawai Eksekutif PPA berkata "PPA menganjurkan acara ini bersama-sama sukarelawan belia daripada iM4U, untuk memberikan keceriaan musim perayaan kepada golongan pesara di rumah orang tua ini. Kerjasama PPA dengan iM4U turut mengenalpasti kepentingan memupuk semangat kesukarelawanan dan aktiviti sosial di kalangan belia, di samping menekankan kepentingan untuk merancang bagi persaraan mereka kelak. PPA sedang aktif mempromosikan insentif Golongan Muda PRS yang disasarkan untuk menggalakkan golongan muda yang bekerja supaya menyimpan lebih banyak untuk persaraan dengan PRS.

Setiap sukarelawan belia iM4U ditugaskan kepada seorang pesara untuk menjadi "rakan" mereka sepanjang hari bagi memastikan pesara ini dijaga dengan baik, serta mengenali mereka dan membawakan semula kegembiraan pada Tahun Baru Cina. "Kami rasakan bahawa Tahun Baru Cina adalah waktu yang terbaik untuk membawa pesara-pesara ini keluar memandangkan sesetengahnya tidak dilawati oleh ahli keluarga pada musim perayaan ini dan ada juga yang sudah tiada ahli keluarga yang pedulikan mereka lagi. Bagi sukarelawan-sukarelawan ini, kami berharap mereka akan membuka mata dan menyedari tentang pentingnya untuk menyimpan lebih awal dan secukupnya untuk persaraan mereka kelak," kata Ketua Pegawai Eksekutif PPA Dato' Steve Ong lagi.

Aktiviti bermula dengan sukarelawan berkumpul di rumah-rumah jagaan orang tua untuk sesi perkenalan. Mereka kemudiannya dibawa ke Mutiara Damansara di mana 100 orang pesara dan sukarelawan iM4U dihidangkan dengan juadah makan tengah hari yang lazat dan berkhasiat yang ditaja oleh SAM'S Deli, The Curve, dan seterusnya bergerak ke panggung wayang.

Sukarelawan dan pesara-pesara ini dihiburkan dengan tayangan filem Cina dari Hong Kong, "From Vegas to Macau 2", yang dibintangi Chow Yun-Fat, Nick Cheung dan Carina Lau. Sebahagian daripada pesara berkenaan telah menyatakan tentang keseronokan mereka kerana berpeluang menonton wayang malah sesetengahnya berkata mereka tidak pernah berkunjung ke panggung wayang sejak bertahun-tahun lamanya. Setelah seharian bergembira, pesara-pesara itu akhirnya dibawa pulang ke rumah jagaan masing-masing dan mengucapkan selamat tinggal kepada sukarelawan-sukarelawan terlibat.

- END -

Mengenai Private Pension Administrator Malaysia (PPA)

Pentadbir Pencen Swasta Malaysia (PPA) adalah pentadbir pusat bagi Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA diamanahkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan industri PRS, mewujudkan kesedaran dan mendidik orang ramai tentang simpanan persaraan. PPA juga bertanggungjawab untuk melindungi kepentingan penyumbang PRS.

Mengenai iM4U

iM4U mempunyai matlamat untuk memupuk semangat kesukarelawanan serta aktivisme sosial di kalangan belia Malaysia melalui pentadbiran Dana Sukarelawan 1Malaysia (DRe1M), sebuah platform bagi belia menjalankan aktiviti kesukarelawanan yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat dan kumpulan sosial.

Mengenai SAM'S Deli

SAM'S juga menempatkan sebuah delikatesen diberi nama SAM'S Deli. Ini merupakan ciri utama di semua SAM'S Groceria yang menyajikan kuisin premium Barat, Timur dan tempatan daripada pelbagai pasta, sushi, pastry dan nasi lemak termasuk pelbagai minuman dengan harga berpatutan. Di SAM'S ungkapan 'Life Made Fresher' bukan sekadar suatu slogan semata-mata, bahkan suatu kepercayaan dan budaya korporat bagi kami.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Private Pension Administrator Malaysia

Serina Joon

Head, Marketing and Communications

Phone 03-7732 1520

Email serina.joon@ppa.my